



## **KENYATAAN MEDIA**

### **PEMBERIAN VAKSIN KEPADA WARGA EMAS DAN ORANG KURANG UPAYA (OKU)**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa memantau situasi semasa berkaitan Program Imunisasi COVID-19 Fasa Kedua kepada kumpulan sasaran Kementerian terutama yang melibatkan kumpulan Warga Emas dan Orang Kurang Upaya (OKU).

KPWKM melalui JKJAV juga telah mengemukakan senarai nama seramai 68,003 kumpulan sasaran Kementerian yang terdiri daripada 48,564 warga emas dan 19,439 OKU yang berdaftar untuk diberi suntikan vaksin dalam fasa kedua kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Daripada jumlah 48,564 warga emas, ia merangkumi ahli Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan penghuni institusi-institusi seliaan KPWKM. Bagi jumlah 19,439 OKU pula, ia terdiri daripada pelatih Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK).

Kementerian juga menjalinkan hubungan strategik yang berterusan bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), MOSTI dan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin (JKJAV) bagi memastikan kumpulan sasaran Kementerian tidak tertinggal dalam pemberian vaksin. Sehingga kini, 6 Institusi di bawah JKJAV telah diberikan tarikh oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia bermula 5 Mei 2021. Sebagai Ahli kepada Jawatankuasa Khas Vaksin, permohonan telah dibuat agar MOSTI mengasingkan 40 ribu dos vaksin bagi mempercepatkan proses vaksinasi kepada kumpulan sasaran Kementerian.

Kementerian melalui JKM juga dari semasa ke semasa membuat pemantauan SOP Pencegahan Penularan COVID-19 ke atas 382 buah Pusat Jagaan Warga Emas dan 196 buah Pusat Jagaan OKU yang berdaftar di bawah JKM. Sehingga 11 Mei 2021, sebanyak 404 pusat jagaan telah dibuat pemantauan.

KPWKM juga menyeru kepada seluruh kumpulan sasar Kementerian agar memberikan kerjasama sepenuhnya dengan mendapatkan vaksinasi COVID-19 mengikut tatacara yang telah ditetapkan oleh Kerajaan, demi memastikan program vaksinasi di negara ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Untuk keterangan lanjut berkenaan Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, kumpulan sasar Kementerian boleh melayari <http://www.VaksinCovid.gov.my> dan juga boleh menghubungi Talian Kasih 15999 dan talian WhatsApp 019 – 2615999 yang beroperasi 24 jam sehari. Lindung diri, Lindung semua.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
**17 MEI 2021**